

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

sempena

**MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
antara
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
dengan
TEKUN CORPORATION SDN. BHD.**

29 OGOS 2023 |SELASA |10:30 PAGI

**DE PALMA HOTEL
SHAH ALAM**

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah Robbil 'Aalamiin

**Wasolaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiyaa'i Wal
Mursaliin, Wa 'Alaaalihi Wasohbihi Ajma'In.**

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar

Pengerusi Lembaga Pengarah

Tekun Corporation Sdn. Bhd.

YBhg. Dato' Adam Abd Ghani

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN
Corporation Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Profesor Dr. Yamin Yasin

Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan

**Wakil dari Jaringan Industri dan UiTM Cawangan
Negeri Sembilan**

**Semua warga UiTM, TEKUN Corporation Sdn. Bhd.
dan para hadirin yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama di dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UiTM dengan TEKUN Corporation Sdn. Bhd.

2. Saya dan warga UiTM ingin mengucapkan ribuan **terima kasih** kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar dan Yang Berbahagia Dato' Adam Abd Ghani serta seluruh warga TEKUN Corporation Sdn. Bhd. atas kesudian menjalinkan hubungan strategik ini.

3. Majlis hari ini jelas menyatakan komitmen UiTM bersama Tekun Corporation Sdn Bhd untuk mengeratkan hubungan dua hala bagi menguatkan, menggalakkan dan membangunkan **aktiviti keusahawanan dan kebolehpasaran graduan UiTM**

melalui aktiviti perniagaan serta peluang kerjaya bersama.

4. Saya yakin kolaborasi ini akan memupuk bidang keusahawanan di peringkat universiti dan seterusnya memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Kerjasama dua hala ini juga diharapkan dapat memberikan **peluang penempatan latihan industri** pelajar UiTM bersama TEKUN Corporation Sdn. Bhd.

5. Pastinya pelajar akan mempunyai keyakinan yang lebih tinggi untuk membangunkan perniagaan sendiri hasil pendedahan berkaitan amalan industri semasa, sesi pementoran dan pelbagai aktiviti keusahawanan. Untuk jangka masa panjang, usaha ini pastinya mengalakkan budaya keusahawanan dan mengembangkan potensi perniagaan mereka.

6. Sebagai universiti terbesar di Malaysia dengan jumlah graduan terbanyak, ia memberikan tanggungjawab besar kepada pengurusan UiTM bagi memastikan kadar kebolehpasaran para graduan terjamin.

7. Memahami bahawa kadar kebolehpasaran graduan amat berkait rapat dengan prestasi ekonomi dan pasaran pekerjaan negara, kerjasama secara kolektif dengan pelbagai pihak amat perlu dalam memastikan kadar kebolehpasaran graduan ini dapat ditingkatkan.

Para hadirin yang dihormati,

8. Di UiTM, kemudahan dan kelengkapan pelajar di kolej kediaman sentiasa menjadi keutamaan pengurusan universiti. Kewujudan **TEKUN MART** sebagai sebuah kedai serbaneka telah banyak mempermudah urusan pelajar mendapatkan barang keperluan dengan harga yang berpatutan dalam kawasan kampus. Beberapa kampus seperti kolej kediaman di UiTM Shah Alam, UiTM Kampus Seremban, UiTM Kampus Sungai Petani dan UiTM Kampus Pasir Gudang telah dapat menikmati perkhidmatan yang disediakan sekaligus memberi peluang pekerjaan sampingan kepada para pelajar.

9. Diharapkan jalinan kerjasama dengan TEKUN Corporation Sdn. Bhd dapat membantu pelajar dalam

proses pemindahan ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran keusahawanan.

Hadirin sekalian,

10. Saya amat berharap agar kerjasama yang terjalin antara UiTM dengan TEKUN Corporation Sdn. Bhd. berjalan lancar dan dapat membuahkan hasil yang terbaik bagi kedua-dua pihak demi manfaat kepada semua pada masa kini dan pada masa yang akan datang.

11. Sekali lagi saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada TEKUN Corporation Sdn Bhd serta seluruh warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan atas usaha yang diberikan bagi memastikan jalinan usahasama ini berjaya.

Sekian.

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.